

# Dua pelumba basikal terima ijazah, diploma

Oleh Zairee Zahir

DUA pelumba basikal negara yang diserap dalam Projek Gemilang 2001 adalah antara penerima ijazah dan diploma masing-masing dalam Majlis Konvokesyen ke-27 Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, kelmarin.

Pemegang rekod kebangsaan 4km Kejar-mengejar Individu (IP), Lee Robert yang kini diserap dalam program latihan jangka panjang Projek Gemilang 2006, menerima Ijazah Pembangunan Manusia manakala bekas pelumba pecut, Khairi Ahmad menerima Diploma Pertanian daripada Pro-Canselor UPM, Tan Sri Hashim Aman.

Mereka adalah antara 10 pelumba basikal pertama yang ditawarkan biasiswa Majlis Sukan Negara (MSN) sejak 1999 dan membuktikan pembabitan sukan ke peringkat antarabangsa bukan penghalang seseorang atlet mengejar kecemerlangan akademik.

Robert, 25, yang kini dalam persiapan menghadapi Kejohanan Sedunia B di Aigle-Monthey, Switzerland Julai depan, turut menerima Anugerah Kecemerlangan Fakulti Ekologi Manusia UPM kerana cemerlang dalam bidang akademik

dan sukan.

"Ijazah yang diterima hari ini membakar semangat saya untuk mencatat kejayaan lebih besar dalam acara lumba basikal trek terutama di Kejohanan Sedunia B nanti. Saya berharap dapat mencuri satu daripada tiga tiket Sukan Olimpik Athens 2004 yang ditawarkan dalam acara Perlumbaan Mata.

"Terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan, MSN, jurulatih Ng Joo Ngan dan rakan dalam pasukan Kuala Lumpur serta ibu bapa serta keluarga yang memberi galakan dan memahami kesibukan saya sebagai pelajar dan atlet sehingga berjaya dalam kedua-dua bidang," kata Robert yang menamatkan pengajian Diploma Pembangunan Sumber Manusia di universiti yang sama pada 2001.

Sementara itu, Khairi yang menjadi antara pelumba trek ketika Program Cemerlang 2001, menerima Diploma Pertanian dan kini berkhidmat sebagai seorang guru di Kedah.

Antara pelumba basikal yang memegang biasiswa MSN dan masih meneruskan pengajian di UPM ialah Mohd Najib Ghani dan Mohd Ghafuan Ghazali (ijazah) serta Mohd Yafiz Jamaluddin (diploma).



ROBERT (kiri) dan Khairi.